

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN
BIL. 2/1983

RUJUKAN KEPADA LEMBAGA LETRIK NEGARA
BAGI PERMOHONAN PECAH SEMPADAN

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan di mesyuaratnya pada 15.12.82 telah memerhatikan bahawa bekalan letrik ke beberapa projek perumahan lambat diperolehi. Seterusnya Majlis Mesyuarat Kerajaan membuat keputusan supaya urusan ubah syarat/pecah sempadan tanah bagi tujuan pembinaan projek perumahan hendaklah dirujuk kepada Pihak Lembaga Letrik Negara untuk mendapat pandangan dari segi perlu atau tidak diperuntukan satu tapak untuk pencawang letrik.

2. Adalah didapati masalah mengadakan bekalan letrik kepada rumah -rumah yang baru dibina timbul terutama bagi rumah-rumah yang dimaju secara banyak atau secara berkelompok. Antara sebab yang menyulitkan Pihak Lembaga Letrik Negara mengadakan bekalan letrik ialah kerana tidak diperuntukan satu kawasan yang sesuai di dalam atau disekitar kawasan perumahan atas tanah untuk dibina pencawang Lembaga Letrik Negara. Bagi mengatasi kesulitan ini maka pada masa yang akan datang hendaklah dipastikan bahawa setiap permohonan untuk pecah sempadan bagi dijadikan kawasan-kawasan perumahan terutama oleh Pemaju-Pemaju Perumahan hendaklah dirujukkan juga kepada Lembaga Letrik Negara dan seelok-eloknya diminta pihak pemaju berkenaan mempersetujui memperuntukan dari awal-awal lagi satu kawasan tapak tanah yang sesuai yang boleh dijadikan tapak pencawang Letrik. Jawapan daripada Lembaga Letrik Negara hendaklah didapati dari masa yang sesingkat-singkatnya.

t.t
(Md.Hussain Bin Hassan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN
KOTA BHARU.**

BERTARIKH: **19hb. Januari, 1983.**

KEPADA:

Semua Pemungut Hasil Tanah, Kelantan.

SALINAN KEPADA:-

1. YABrs. Pengurus Daerah Kanan,
Lembaga Letrik Negara,
KOTA BHARU.
2. YABrs.Pengarah Perancang Bandar dan Desa,
Kelantan, **KOTA BHARU.**
3. Semua Yang Dipertua Penguasa Tempatan, Kelantan.

[P.T.G.KN.8882/(4)]